

## Unsur Perubatan Islam Tibb Nabawi dalam Kitab Bustan Al Salatin dalam Bab Tujuh

### *The Elements of Islamic Medicine, Prophecy-Based Medicine (Tibb Nabawi), the Book Bustan Al-Salatin in (The Garden of Kings) Chapter Seven*

Masdinizam Shamsudin Shukor<sup>1\*</sup>, Wan Ali Wan Mamat<sup>1</sup>

<sup>1</sup> International Institute of Islamic Thought dan Civilization (ISTAC) di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA) No. 24, Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin, Bukit Tunku, 50480 Kuala Lumpur MALAYSIA

\*Pengarang Utama: [masdinizam@gmail.com](mailto:masdinizam@gmail.com)

DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2025.06.02.002>

#### Maklumat Artikel

Diserah: 02 Jun 2025

Diterima: 29 Oktober 2025

Diterbitkan: 05 Disember 2025

#### Kata Kunci

Bustan al-Salatin, Tibb Nabawi, Perubatan Islam, Nuruddin al-Raniri, Rawatan Holistik, Manuskrip Melayu

#### Abstrak

Kajian ini menganalisis unsur-unsur perubatan Islam berasaskan Tibb Nabawi dalam Kitab Bustan al-Salatin karya Nuruddin al-Raniri, dengan memfokus kepada Bab Tujuh kitab tersebut. Tibb Nabawi merujuk kepada amalan perubatan berasaskan wahyu al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW, yang menjadi asas kepada pelbagai amalan kesihatan tradisional dalam peradaban Islam. Bab Tujuh karya ini menggabungkan dimensi fizikal dan spiritual dalam amalan perubatan, menekankan penggunaan bahan-bahan sunnah seperti madu dan habbatus sauda' serta rawatan rohani. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis unsur Perubatan Islam Tibb Nabawi yang terkandung di dalam Bab Tujuh Kitab Bustan al-Salatin karya Nuruddin al-Raniri. Penemuan menunjukkan bahawa unsur Tibb Nabawi yang dirakamkan menawarkan panduan kesihatan holistik, sekaligus menunjukkan relevansinya dalam konteks moden.

#### Keywords

*Bustan al-Salatin, Prophetic Medicine (Tibb Nabawi), Islamic Medicine, Nurudddalamal-Raniri, Holistic Treatment, Malay Manuscript*

#### Abstract

*This study analyzes the elements of Islamic medicine based on Prophetic Medicine (Tibb Nabawi) in the Bustan al-Salatin book by Nuruddin al-Raniri, focusing on Chapter Seven. Prophetic Medicine according to medical practices based on revelation from the Quran and the Sunnah of Prophet Muhammad (peace be upon him), which forms the foundation of various traditional health practices in Islamic civilization. Chapter Seven of this work integrates both physical and spiritual dimensions in medical practice, emphasizing the use of Sunnah ingredients such as honey and black seed (habbatus sauda') as well as Prophetic guidance in physical and spiritual healing. This research employs a qualitative approach by analyzing the elements of Prophetic Medicine contained in Chapter Seven of Bustan al-Salatin. The findings indicate that the recorded elements of Prophetic Medicine offer holistic health guidance, demonstrating their relevance in the modern context.*

## 1. Pendahuluan

Amalan perubatan Islam telah menjadi elemen penting dalam peradaban Islam sejak zaman Rasulullah SAW. Prinsip Tibb Nabawi memberi panduan kesihatan yang tidak hanya berfokus kepada aspek jasmani tetapi juga rohani. Kitab *Bustan al-Salatin* karya Nuruddin al-Raniri merupakan salah satu karya agung dalam kesusasteraan Islam Melayu yang menggabungkan pelbagai disiplin ilmu, termasuk ilmu perubatan. Memandangkan Kitab *Bustan al-Salatin* Bab Tujuh karya Nuruddin al-Raniri merupakan kitab Tib Melayu pertama dan paling lengkap di Alam Melayu berbanding naskhah-naskhah ilmu tibb Melayu yang lain (Mohd. Affendi, 2018), kajian Bab Tujuh kitab ini menjadikannya sebuah wacana ilmiah yang penting untuk memahami pendekatan perubatan tradisional dalam konteks Melayu-Islam.

## 2. Sejarah Perubatan Islam dan Tibb Nabawi

Menurut Samuri dan lain-ladalam (2018), tiada takrifan khusus tentang ilmu perubatan Islam. Perkara ini disebabkan sifat perubatan Islam itu adalah umum dan meletakkan had sempadan kepada pematuhan terhadap ajaran Islam selagi ia tidak bercanggah dengan Al-Qur'an dan As-Sunnah (Omar,1995) Pendapat ini juga disokong oleh Ghazali, (2022) yang berpandangan bahawa definisi ilmu perubatan Islam agak luas dan para sarjana Islam berbeza pandangan tentang takrifan yang tepat. Walaubagaimanapun, beliau menyatakan bahawa secara umumnya ilmu perubatan Islam adalah satu penjelasan tentang fenomena perubatan yang berkait rapat dengan perkara metafizik dan fizikal. Menurut beliau, Ibnu Sina juga bersetuju dengan takrifan ini.

Al-tibb al-nabawi pula merujuk kepada segala hadis Nabi Muhammad s.a.w yang ada hubungan dengan ilmu perubatan dan kesihatan. Para ulama yang mengumpulkan hadis-hadis berkaitan Al-tibb al-nabawi sebenarnya tidak meletakkan istilah Al-tibb al-nabawi kepada karya-karya mereka, sebaliknya sarjana Islam moden yang melakukannya. Selepas karya Al-Risdlah al-Dhahabiyyah fi Tibb al-Nabi yang juga dikenali dengan nama lain sebagai *Risalah Mushtamilah 'aid al- Tibb al-Nabawi* yang telah ditulis atas permintaan Khalifah Al-Ma'mun oleh Abu al-Hasan 'Ali al-Rida (203 H/818 M) selaku pelopor kepada istilah Tibb Nabawi, karya Al-tibb al-nabawi berkembang dengan cara penulisan yang berbeza di antara satu karya dengan karya yang lain. ( Hamdan, et al. 2024)

Marni (2014) menyebut bahawa para ulama hadis merupakan kelompok pertama yang membangunkan gagasan perubatan Islam Tibb Nabawi melalui usaha pengumpulan hadis-hadis Nabi s.a.w berkaitan hal ehwal perubatan. Usaha ini seterusnya melahirkan golongan ulama penulis dan pengumpul hadis Nabi s.a.w yang dikenali sebagai Ashaab Sunan. Tokoh-tokoh besar ilmu Hadis seperti Imam Al-Bukhari, Muslim, Abu Daud, Tirmidzi An-Nasaa-ei dan Ibnu Majah bertanggungjawab menulis enam kitab Hadis yang kemudiannya dikenali sebagai Sunan Sittah. Mereka kemudiannya mengumpulkan hadis Nabi s.a.w yang berkaitan dengan perubatan dalam satu bab khusus iaitu "Kitab Tibb".

Selepas zaman Ashaab Sunan, lima kitab berikut menjadi rujukan utama kepada ilmu perubatan Tibb Nabawi iaitu 1) Kitab al-Tibb al-Nabawi oleh Al-Hafiz Abu Nu'aym al-'Asbahani (m. 430H/1038M). 2) Kitab al-Tibb al-Nabawi (al-Arba'dalam al-Tibbiyyah al-Mustahkriyah dalam Sunan Ibn Majah) oleh 'Abd al-Latif al-Baghdadi (m. 629H/ 1231M). 3) Al-Ahkam al-Nabawiyyah fi al-Sina'ah al-Tibbiyyah oleh 'Ali 'Abd al-Karim bdalamTarkhan al-Kihal al-Hamawi (m. 720H/ 1320M). 4)al-Tibb al-Nabawi oleh Imam Muhammad dalam Abu Bakar Syams al-Din atau nama lainnya Ibn Qayyim al-Jawziyyah (m. 751H/ 1350M). 5)al-Manhaj al-Sawiy wa al-Manhal al-Rawifi al-Tibb al-Nabawi oleh Imam al-Hafiz Jalal al-Din al-Suyuti (m. 911H/ 1505M). (Othman, et al 2023).

Perlu diingatkan bahawa biarpun ilmu perubatan Tibb Nabawi dilihat menonjol dalam membentuk identiti falsafah perubatan Islam yang tersendiri, ilmu perubatan yang bersumberkan pengaruh Greek-Parsi-Mesir juga menjadi tunjang ilmu perubatan Islam di zaman keemasan tamadun Islam ketika Khilafah Abbassiah berkuasa. ( Nizaita,2006, Sidik, et al, 2004)

Kajian terdahulu oleh Demirel, S., & Mansour, S. E. (2011). menunjukkan bahawa Tibb Nabawi adalah pendekatan yang mengintegrasikan dimensi fizikal dan spiritual. Al-Jauziyah (2013) dalam karyanya *Prophetic Medicine* menegaskan bahawa amalan perubatan ini dapat melengkap rawatan moden melalui pendekatan holistik.

Ilmu Tibb Nabawi kemudiannya datang ke alam Melayu melalui interaksi dengan tamadun Islam, khususnya melalui perdagangan, dakwah, dan penyebaran ilmu oleh ulama serta pedagang dari Timur Tengah. Perubatan Nabi ini menjadi sebahagian daripada khazanah ilmu yang dibawa bersama ajaran Islam, yang berkembang pesat di Nusantara sejak abad ke-13. Dalam konteks perubatan Melayu, Tibb Nabawi mempengaruhi amalan rawatan tradisional dengan penekanan kepada penggunaan herba, doa, dan amalan kesihatan berasaskan hadis Nabi Muhammad SAW. Kitab-kitab perubatan Islam yang membincangkan Tibb Nabawi turut diterjemahkan dan disesuaikan dengan budaya serta kepercayaan tempatan, menghasilkan gabungan unik antara perubatan Islam dan perubatan tamadun lain. ( Muhammad Yusoff, M. F., & Ab Razak, N. I., 2020)

Perubatan Nabi atau al-Tibb al-Nabawi didefinisikan sebagai kaedah perubatan yang diamalkan pada zaman Nabi Muhammad (SAW). Walaupun perubatan ini dianggap kurang mempunyai bukti saintifik menurut kaca mata perubatan moden Barat, ia tetap dianggap berwibawa kerana ia berasal daripada Nabi Muhammad (SAW) sendiri (Monette, 2012).

Bustan al-Salatin pula ditulis pada abad ke-17 di Aceh dan dianggap sebagai ensiklopedia keilmuan Melayu-Islam. Bab Tujuh ini merupakan sebahagian daripada Bustan al-Salatin yang mengandungi lapan bab meliputi sejarah, falsafah, teologi, dan perubatan, menjadikannya dokumen penting dalam kajian perubatan Islam di Alam Melayu. Kehebatan karya Bustan al-Salatin Bab Tujuh tidak dapat disanggah lagi kerana ia sering menjadi rujukan pengarang ilmu Tibb Melayu yang lain seperti Sheikh Abbas Kuta Karang ketika beliau menulis kitab al-Rahmah fi al-Tibb wa al-Hikmah. Selain itu juga taburan kitab Bustan al-Salatin Bab Tujuh yang tersebar luas ke seluruh pelusuk Alam Melayu dan dunia telah cukup menggambarkan kemahsyuran kitab ini. ( Shafri M.A.M. & Hermansyah M.Y, 2022). Perkara ini disokong dengan kenyataan Grinter (1979) bahawa kitab Bustan al-Salatin Bab Tujuh paling banyak disalin sementara Jelani (2016) pula menyatakan bahawa terdapat sekurang-kurangnya 32 naskhah kitab Bustan al-Salatin dalam Bab Tujuh yang tidak lengkap sekarang ini dan naskhah asal kitab ini hingga kini tidak ditemui.

Bab Tujuh dalam Bustan al-Salatin Bab Tujuh menurut Mohd. Shafri Mohd. Affendi & Hermansyah Muhammad Yahya (2022) serta Salmah (2006) terdiri dari empat fasal iaitu fasal satu melibatkan perbincangan tentang akal ; fasal dua pula membincangkan ilmu firasat dan ilmu qiyafah, sementara fasal tiga menghuraikan ilmu tashrih dan ilmu perubatan. Fasal empat menjelaskan tentang hal berkaitan wanita dan perkahwinan, yang mencerminkan aspek penting dalam falsafah dan kehidupan masyarakat ketika itu.

Dalam sejarah Islamisasi ilmu perubatan Melayu, Bustan al-Salatin Bab Tujuh memuatkan pelbagai istilah perubatan yang berasal dari bahasa Arab. Al-Raniri dipercayai telah menterjemahkan istilah-istilah ini ke dalam bahasa Melayu, membuktikan kemampuan bahasa Melayu sebagai wadah intelektual dan ilmiah yang dapat mengadaptasi serta mengembangkan konsep perubatan Islam dalam konteks Nusantara. ( Zain, 2021 )

### 3. Skop Dan Metodologi Kajian

Karya-karya berkaitan al-Tibb al-Nabawi secara umum menumpukan kepada isu perubatan dan kesihatan yang disampaikan melalui hadis Nabi Muhammad ﷺ. Sebagai permulaan, karya seperti Tibb al-'Arab (2007) oleh Ibn Habib dan Mukhtasar Al-Tibb al-Nabawi (2016) oleh Ibn al-Sunni menyusun hadis-hadis ini dalam bentuk ringkas sebagai pengenalan kepada pembaca. Sejak abad kelima hijrah, Abu Nu'aim al-Ashbahani turut menyumbang dengan menghasilkan sebuah karya pada tahun 2006 yang bertujuan menghimpunkan hadis-hadis berkaitan al-Tibb al-Nabawi secara lebih lengkap. Pengumpulan yang komprehensif ini telah mendorong lebih banyak ilmuwan menghasilkan karya al-Tibb al-Nabawi dalam pelbagai bentuk, termasuk dengan menggabungkan hasil kajian perubatan klasik dan moden berdasarkan kemajuan ilmu perubatan pada zaman masing-masing.

Kajian ini memberi tumpuan khusus kepada karya Bustan al-Salatin Bab Tujuh karangan Al-Raniri, yang disusun bagi menghimpunkan aspek perubatan dan kesihatan berdasarkan hadis Rasulullah ﷺ dan elemen ilmu perubatan Melayu. Dalam perbincangan ilmu perubatan Islam oleh Al-Raniri dalam karya ini, skop analisis dibataskan kepada unsur perubatan Islam tibb Nabawi sebagai isu utama yang dipilih bagi menampilkan keilmuan beliau dalam bidang perubatan Islam Melayu.

Isu keaslian karya-karya Al-Raniri termasuk Bustan al-Salatin Bab Tujuh merupakan persoalan yang sering menjadi perdebatan dalam kalangan sarjana sejarah Melayu. Oleh itu, kajian ini mengetengahkan pendirian Al-Raniri terhadap isu unsur perubatan Islam Tibb Nabawi yang dibahaskan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis teks Bab Tujuh Bustan al-Salatin. Kajian ini juga melibatkan kajian keperpustakaan dengan meneliti kajian literatur berkaitan Tibb Nabawi. Kandungan Bab Tujuh Kitab Bustan al-Salatin dianalisa untuk mengenal pasti prinsip Tibb Nabawi yang terkandung dalam naskhah Bab Tujuh Bustan al-Salatin. Hanya tiga fasal sahaja yang menjadi tumpuan kajian iaitu fasal satu melibatkan perbincangan tentang akal ; fasal dua pula membincangkan ilmu firasat dan ilmu qiyafah, sementara fasal tiga menghuraikan ilmu tashrih dan ilmu perubatan.

## 4. Hasil Kajian dan Perbincangan

### 4.1 Unsur Tibb Nabawi dalam Bab Tujuh Fasal Satu Bustan al-Salatin Bab Tujuh

Unsur Tibb Nabawi yang ingin ditekankan oleh Al-Raniri dalam Bab Tujuh Fasal Satu Bustan Al-Salatin adalah konsep penggunaan akal yang dipandu oleh wahyu dalam membuat sebarang tindakan dan keputusan. Hal ini dapat dilihat dalam teks beliau yang disebutkan dalam Bab Tujuh Fasal Satu Bustan Al-Salatin Bab Tujuh; "Telah dijadikan Allah Taala yang akal itu kelam. Kemudian maka dicelakinya akan dia dengan cahayaNya, maka akal pun melihatlah...."

Teks ini menjelaskan keadaan fitrah akal itu lemah iaitu kelam bermaksud tidak dapat dilihat dan tidak terang, kemudian Allah telah menjadikannya ia bercahaya dengan CahayaNya, maka akal itu berfungsi. Ini sejajar dengan maksud firman Allah dalam Surah An-Nur ayat 35 yang bermaksud “ Allah yang menerangi langit dan Bumi . Bdaningan Nur Hidayah petunjuk Allah (Kitab Suci Al-Quran ) adalah sebagai sebuah “misykaat” yang berisi sebuah lampu ; lampu itu dalam geluk kaca (qandil), geluk kaca itu pula (jernih terang) laksana bintang yang bersinar cemerlang ; lampu itu dinyalakan dengan minyak dari pokok yang banyak manfaatnya, (iaitu) pokok zaitun yang bukan sahaja disinari matahari semasa naiknya dan bukan sahaja semasa turunnya ( tetapi ia sentiasa terdedah kepada matahari) hampir-hampir minyaknya itu dengan sendirinya memancarkan cahaya yang bersinar (kerana jernihnya ) walaupun ia tidak disentuh api, (sinaran nur hidayah yang demikian sebagai perbandingannya adalah sinaran yang berganda-ganda ) ; cahaya berlapis cahaya. Allah memimpin sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang dan peraturanNya) kepada nur hidayahNya itu, dan Allah mengemukakan berbagai-bagai misal perbandingan untuk umat manusia; dan Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu. “

Berpunca dari akal yang dipandu dengan wahyu maka akal akan bersinar, mengeluarkan khazanah ilmiah yang tidak ternilai dan ini dinyatakan oleh Al-Raniri dalam teks beliau dalam Fasal Satu Bustan Al Salatin Bab Tujuh ; “ ..bahawa tempat kediaman akal itu pada hati. Dari kerana segala bicara itu terbitnya daripada hati. Dan kejadian bicara itu daripada akal. Cahayanya sampai ke otak. “

Penggunaan akal secara rasional dan berhemah penting bagi ilmu perubatan agar dapat menyelesaikan sebarang permasalahan yang berlaku. Hal ini dapat dilihat dari kisah Ibnu Sina merawat pesakit jiwa yang merasakan dirinya seekor binatang yang perlu disembelih. Maka Ibnu Sina telah menggunakan pemerhatian dan pendekatan logik berbentuk penyelesaian secara fizikal yang akhirnya berjaya merawat pesakit tersebut. (حسين, ع. ا. & عبد الحكيم عبد الرحيم علي. 2020.)

Peri pentingnya akal dalam kehidupan seorang manusia memang tidak dapat dinafikan lagi, Al-Raniri telah menegaskan melalui ungkapan berikut ; “ bahawa jika dibandingkan antara akal dan matahari, padamlah cahaya matahari dan jika dibandingkan antara bebal dengan malam, lebih gelaplah bebal. Orang yang lebih papa ialah yang tidak mempunyai akal.”

Unsur Tibb Nabawi menitikberatkan keseimbangan akal. Salah satu prinsip utama dalam Maqasid Syariah ialah penjagaan akal (hifz al-aql), yang menekankan kepentingan melindungi dan memelihara akal manusia daripada perkara yang boleh merosakkannya. Berdasarkan Bustan al-Salatin Bab Tujuh (yang membincangkan ilmu perubatan atau Tibb) Nuruddin al-Raniri menekankan bahawa akal memainkan peranan penting dalam memahami, mengembangkan, dan mengamalkan ilmu perubatan secara seimbang dengan wahyu. Menurut Bustan al-Salatin Bab Tujuh, akal berperanan sebagai alat integrasi antara ilmu naqli (wahyu) dan aqli (rasional). Al-Raniri, sebagai ulama-saintis, menolak pemisahan mutlak antara agama dan sains. Sebaliknya, akal yang dipandu iman menjadi kunci memahami Tibb Nabawi secara holistik. Hal ini jelas dapat dilihat dari pelbagai gabungan ilmu yang terangkum dalam kitab Bustan al-Salatin Bab Tujuh. Walaupun akal diangkat sebagai alat penting, al-Raniri menekankan bahawa akal harus tunduk kepada wahyu—contohnya, rawatan dengan ruqyah (ayat al-Quran) diterima walaupun melebihi logik material. Akal tidak boleh menolak nas yang sahih dalam hal ghaib (seperti keberkesanan doa Nabi). Al-Raniri memuatkan kata-kata bijak pandai dalam Fasal Satu Bustan al-Salatin Bab Tujuh yang memfokuskan peranan akal sebagai alat rawatan bagi seorang manusia. Ini jelas dengan kata-kata berikut :

“ Yang akal itu, sebaik-baik taulan. Ia mengubat segala pekerjaan yang salah. Dan jikalau ada orang itu hina, nescaya ia memuliakannya. “

Akal berperanan dalam mengintegrasikan wahyu dan sains. Gabungan Nas dan rasionaliti ditekankan melalui akal diperlukan untuk mentafsir dan mengaplikasikan petunjuk tersebut secara saintifik seperti pemahaman Hadis Nabi s.a.w tentang madu sebagai penyembuh (Surah an-Nahl: 69) perlu difahami dengan akal untuk menentukan dos, jenis penyakit yang sesuai, dan kaedah penggunaannya. Akal berfungsi sebagai penapis untuk menolak amalan perubatan tradisional yang bercanggah dengan syariat atau logik (seperti jampi tanpa dasar nas). Perkara ini jelas dengan ketiadaan sebarang rajah azimat wafaq yang berkaitan rawatan penyakit dalam kitab Bustan al-Salatin Bab Tujuh ini.

Al-Raniri menegaskan bahawa akal diperlukan untuk mengkaji sebab-sebab fizikal penyakit (seperti ketidakseimbangan unsur badan) dan kesan ubat-ubatan (contoh: madu dan herba). Ini selari dengan tradisi perubatan Islam klasik (Ibnu Sina, al-Razi) yang menggabungkan logik dengan pengalaman klinikal. Akal digunakan untuk memahami konsep empat unsur tubuh (panas, sejuk, lembap, kering) dan cara menyeimbangkannya melalui diet atau ubat.

Dalam Tibb Nabawi karya Ibn Qayyim al-Jauziyyah, terdapat beberapa fasal yang membincangkan peranan akal dalam kesihatan dan perubatan, yang boleh dikaitkan dengan isu akal dalam Fasal Satu Bab Tujuh Bustan al-Salatin. Berdasarkan kajian, Tibb Nabawi mengandungi perbincangan tentang perubatan hati (tibt al-qulub) dan perubatan badan (tibt al-abdan). Konsep ini selari dengan falsafah akal dalam Bustan al-Salatin, yang menekankan hikmah, kebijaksanaan, dan keseimbangan antara jasmani dan rohani. Selain daripada itu, Ibn Qayyim juga membincangkan pengaruh pemikiran Greek dalam ilmu perubatan Islam, termasuk bagaimana akal

digunakan untuk memahami penyakit dan rawatan. Ini sejajar dengan pendekatan intelektual dalam Bustan al-Salatin, yang mengaitkan akal dengan ilmu dan ketatanegaraan. (Marni, 2012).

Menurut Bustan al-Salatin Bab Tujuh: akal adalah alat kritikal untuk memahami, mengembangkan, dan mempraktikkan ilmu perubatan. Akal dan wahyu saling melengkapi—akal mentafsirkan petunjuk agama, sementara wahyu membimbing akal agar tidak tersasar. Tanpa akal, perubatan Islam menjadi kaku dan beku; tanpa wahyu, ia kehilangan roh spiritual.

#### 4.2 Unsur Tibb Nabawi dalam Bab Tujuh Fasal Dua Bustan al-Salatin Bab Tujuh

Dalam Bab Tujuh Bustan al-Salatin, ilmu firasat dan ilmu qiyafah berkaitan dengan kebolehan seseorang dalam memahami tanda-tanda fizikal dan psikologi untuk menilai karakter serta keadaan kesihatan seseorang. Ini selari dengan prinsip ilmu perubatan Tibb Nabawi, yang menekankan pemerhatian terhadap tubuh dan keseimbangan jasmani serta rohani dalam menentukan kesihatan.

Walaupun ilmu firasat sering dikaitkan dengan dimensi metafizik yang bercanggah dengan pengamalan perubatan moden Islam melalui bukti saintifik dan empirikal, sejak zaman Ibnu Sina lagi, Al-Raniri sebagai pengarang kitab Bustan al-Salatin Bab Tujuh ini menekankan pendekatan rasional iaitu penggunaan ilmu firasat yang menjurus kepada kaedah pengesanan penyakit secara bukti fizikal melalui simptom yang muncul pada seseorang pesakit. Ramalan tanpa sebarang asas telah ditentang dan ini dapat dilihat pula melalui ilmu qiyafah yang berkait rapat dengan ilmu nasab keturunan yang mempunyai hubungan yang amat rapat dengan kajian DNA dalam dunia perubatan moden hari ini. Keselarasan antara kedua-dua ilmu ini dapat dilihat dalam beberapa aspek: Pertama : pemerhatian terhadap tanda-tanda tubuh. Dalam Tibb Nabawi, kesihatan seseorang boleh dinilai melalui perubahan fizikal seperti warna kulit, ekspresi wajah, dan postur badan, yang juga merupakan prinsip utama dalam ilmu firasat dan qiyafah. Kedua : hubungan antara kesihatan dan keperibadian. Ilmu firasat dalam Bustan al-Salatin Bab Tujuh mengajarkan bahawa keadaan fizikal seseorang boleh mencerminkan aspek psikologi dan spiritualnya, sama seperti dalam Tibb Nabawi, yang mengaitkan kesihatan tubuh dengan keseimbangan rohani. Kaedah diagnosis berdasarkan pemerhatian.

Menurut Tibb Nabawi, Rasulullah ﷺ mengajarkan kaedah rawatan yang sering bergantung kepada pemerhatian terhadap simptom dan keadaan pesakit, yang mirip dengan pendekatan ilmu qiyafah. Kedua-dua ilmu ini menunjukkan bagaimana masyarakat Melayu dan Islam pada zaman dahulu menggunakan pemerhatian dan analisis sebagai asas dalam memahami kesihatan dan keperibadian manusia.

Pengenalan ilmu firasat dalam Bab Tujuh Kitab Bustan al-Salatin Bab Tujuh sebagai pelengkap kepada ilmu perubatan Melayu telah ditegaskan oleh Al-Raniri sendiri ; "Syahadan, bahawa ilmu firasat yang tersebut itu, tiada jua seseorang pun yang sempurna mengetahui dia, melainkan jika diketahuinya serta dengan ilmu tabib, maka sempurnalah ilmu firasatnya." ( Salmah, 2006 )

Inti pati unsur Nabawi yang ingin ditekankan oleh Al-Raniri dalam fasal dua Bab Tujuh Bustan al-Salatin adalah keutamaan pembuktian secara fizikal dalam segala gerak kerja perubatan Islam. Perkara ini sudah sedia maklum bagi seorang Muslim dari saat ia mula beraqidah, bersyariat hingga bertasawuf. Unsur Nabawi dalam perubatan yang ingin diketengahkan oleh Al-Raniri adalah penentangan terhadap praktik ilmu ghaib atau ilmu kebatinan yang menyimpan dari aqidah Islam yang murni seperti amalan menenung nasib, amalan sihir dan amalan yang seumpamanya. Oleh itu, tidak ditemui sebarang wafaq, azimat atau rajah dalam Bab Tujuh Bustan al-Salatin.

Implementasi ilmu firasat dalam dunia perubatan moden hari ini berjaya direalisasi di Malaysia melalui pengiktirafan perubatan tradisional dan komplementari bergandingan dengan perubatan moden Barat melalui A dengan pewartaan Akta 775 Akta Perubatan Tradisional Dan Komplementari 2016 oleh Kerajaan Malaysia melalui Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, Kementerian Kesihatan Malaysia pada 22 Julai 2016. Pewartaan ini telah mengiktiraf enam bidang amalan perubatan tradisional dan komplementari sebagai satu sistem alternatif perubatan di samping sistem perubatan moden. Enam bidang amalan perubatan tradisional dan komplementari tersebut ialah Perubatan tradisional Melayu, Pengubatan Islam, Perubatan tradisional Cina, Perubatan tradisional India, Peubatan Homeopati, Kiropraktik dan Osteopati (Muhammad Remy Othman dan lain-lain, 2023 ). Banyak kes perubatan yang tidak berjaya dirawat melalui perubatan moden berjaya ditangani dengan perubatan radisional dan komplementari. (Veling et al., 2019) (Winsper et al., 2024)

Al-Raniri merupakan tokoh ilmu Alam Melayu yang pertama mengangkat sains ilmu nasab melalui ilmu qiyafah yang merintis kepada pengembangan kajian DNA bagi pelbagai tujuan perubatan dan kesihatan . Kajian DNA berjaya membuktikan genetik seseorang dengan asal - usul keturunan dan penyakit yang dihadapi oleh seseorang itu, yang kemudiannya dikembangkan kepada kajian pengubatan terhadap penyakit yang dihadapi individu tersebut. Dunia perubatan moden kemudiannya berjaya mengembangkan kajian termaju seperti penggunaan *stem-cell* iaitu sel khusus dalam tubuh manusia yang memiliki kemampuan unik untuk berkembang menjadi berbagai jenis sel lain. Sel ini berperanan penting dalam rawatan pemulihan jaringan sel yang rosak akibat penyakit atau kecederaan ( Thomas dan rakan-rakan , 1998 )

### 4.3 Unsur Tibb Nabawi dalam Bab Tujuh Fasal Tiga Bustan al-Salatin Bab Tujuh

Perubatan tradisional Melayu sering menggabungkan ramuan herba dengan unsur spiritual. Penyelidikan oleh Ibrahim, N., & Ahmad Shah, F. (2020) menunjukkan bahawa manuskrip Melayu banyak dipengaruhi oleh prinsip Tibb Nabawi, dengan penekanan kepada keseimbangan jasmani, rohani, dan hubungan manusia dengan alam. Bustan al-Salatin Bab Tujuh memaparkan materia medica atau bahan-bahan semula jadi yang sesuai untuk rawatan penyakit yang khusus. Bahan-bahan alami terdiri daripada bahan herba yang berasal dari luar Alam Melayu seperti habbatus sawda` dan za`faran atau bahan herba yang berasal dari Alam Melayu sendiri lengkuas, halia, bunga lawang, buah pala, kayu manis, pisang dan bahan-bahan lain.

Berdasarkan Tibb Nabawi karya As-Suyuthi (Muhammad,1986) dan Ibn Qayyim al-Jauziyyah, ilmu tashrih (anatomi) tidak menjadi fokus utama, tetapi terdapat perbincangan mengenai aspek kesihatan tubuh manusia berdasarkan hadis-hadis Rasulullah ﷺ. Menurut kajian, Tibb Nabawi lebih menekankan kaedah rawatan, pemakanan, dan keseimbangan tubuh serta rohani, berbanding kajian anatomi secara terperinci seperti yang dilakukan oleh ilmuwan perubatan Islam seperti Ibn Sina dan Al-Razi. Namun, dalam epistemologi perubatan Ibn Qayyim, terdapat perbincangan mengenai struktur tubuh manusia dan hubungannya dengan kesihatan, yang boleh dikaitkan dengan konsep tashrih. ( Marni, 2014 )

Al-Raniri telah menyebut di dalam fasal tiga Bab Tujuh Kitab Bustan al Salatin Bab Tujuh tentang herba-herba yang boleh dijadikan penawar serta bahan ini disebut dalam hadis-hadis Nabi s.a.w. Selain daripada itu herba-herba untuk tujuan perubatan, amalan khusus untuk menghindari sesetengah penyakit juga telah disebutkan di dalam hadis-hadis Nabi s.a.w ini. Unsur Nabawi dalam bab ini amat jelas dengan kewujudan hadis-hadis Nabi s.a.w yang secara terus menerangkan khasiat herba untuk kegunaan perubatan seperti dinyatakan dalam rajah berikut (Mohd Affendi dan rakan-rakan, 2021) (Mohd. Affendi dan Hermansyah, 2022):

Bilangan	Teks Hadis Nabi s.a.w berkaitan herba penawar serta amalan penghindar penyakit dalam Bab Tujuh Kitab Bustan al Salatin	Sumber Periwatyan Hadis Nabi s.a.w yang berkaitan herba penawar serta amalan penghindar penyakit dalam Bab Tujuh Kitab Bustan al Salatin	Fasal yang mengdanungi Hadis Nabi s.a.w yang berkaitan herba penawar serta amalan penghindar penyakit dalam Bab Tujuh Kitab Bustan al Salatin
1	المَعِدَةُ حَوْضُ الْبَدَنِ، وَالْعُرْوُقُ إِلَيْهَا وَارِدَةٌ، فَإِذَا صَحَّتْ الْمَعِدَةُ، صَدَرَتْ الْعُرْوُقُ بِالصِّحَّةِ، وَإِذَا سَقَمَتِ الْمَعِدَةُ صَدَرَتْ بِالسُّقْمِ Yang ma'idah itu seumpama sebuah kolam dalam badan manusia, dan segala urat itu sampai kepadanya meminum. Apabila ma'idah itu baik nescaya terbitlah daripada segala urat itu sihat. Dan apabila ma'idah itu jahat nescaya terbitlah daripada urat itu penyakit.	Diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī dalam al-Mu'jam al-Awsaṭ, al-'Uqaylī dalam al-Ḍu'afā' (bāṭil), Ibn al-Sunnī, Abū Nu'aym dalam al-Ṭibb al-Nabawī, al-Bayhaqī dalam Shu'ab al-Īmān (ḍa'if), al-Dhahabī (munkar), Ibn al-Jawzī (mawḍū'). Al-Dāruquṭnī dalam al-'Ilal al-Wāridah berpandangan ini bukan ḥadīth tetapi kata hikmah ahli perubatan Arab 'Abd al-Malik dalam Sa'īd dalam Abjar. Juga lihat al-Ghazālī, Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn, juz. 3, muka. 351; dan al-Suyūṭī, Jam' al-Jawāmi', juz. 4, muka. 175, nombor hadith. 256/11921.	Fasal Ilmu Tabib
2	فَمُ وَتَمُّ، فَإِنْ لَجَسْتِكَ عَلَيْكَ حَقًّا Tidurlah kamu dan jagalah dari kerana kamu bahawasanya adalah ia bagi jasad itu haqqnya ke atasmu.	Ḥadīth ṣaḥīḥ diriwayatkan oleh al-Bukhārī, Muslim, Aḥmad, dan al-Nasā'ī, dengan beberapa perbezaan dari 'Abd Allāh ibn 'Amr ibn al-Āṣ. Juga lihat al-Suyūṭī, Jam' al-Jawāmi', juz. 12, muka. 551, nombor hadith 532/27159.	Fasal Ilmu Tabib
3	خير الامور اوسطها Yang sebaik pekerjaan itu yang ugahari jua. ugahari: perkataan Melayu bermaksud 'seimbang'	Ḥadīth diriwayatkan oleh al-Sam'ānī dengan sanad fi-hī majhūl (perawi yang tidak diketahui) daripada 'Alī. Juga diriwayatkan oleh al-Daylamī dengan sanad daripada Ibn 'Abbās: خَيْرُ الْأَعْمَالِ أَوْسَطُهَا Rujuk	Fasal Ilmu Tabib

		al-'Ajlūnī, Kashf al-Khafā', juz 1, muka 442, nombor hadith 1247;	
4	المعدة بيت الداء، والحمية رأس الدواء  Bahawa perut itu asal segala penyakit dan pantang itu asal segala ubat	Sedikit perbezaan tentang ḥadīth diriwayatkan oleh al-Ghazālī dalam Ihyā' 'Ulūm al-Dīn, juz 5, muka 312. البيضة أصل الداء، والحمية أصل الدواء Al-Sakhāwī dalam al-Maqāṣid al-Ḥasanah menyebut ini bukan ḥadīth tetapi kata hikmah ahli perubatan Arab, al-Ḥārith b. al-Kaldah: المعدة بيت الداء، والحمية رأس الدواء Rujuk to al-Sakhāwī, al-Maqāṣid al-Ḥasanah, muka 611.	Fasal Ilmu Tabib
5	أصل كل داء البركة  Pohon segala penyakit itu kesejukan.	Ḥadīth diriwayatkan oleh al-Dāruquṭnī dalam al-'Ilal al-Wāridah daripada Anas; Ibn al-Sunnī. Dalam al-Ṭibb al-Nabawī dan Abū Nu'aym dalam al-Ṭibb al-Nabawī daripada 'Alī; dan Ibn Sunnī, Abū Nu'aym, Tamām, dan Ibn 'Asākir daripada Abī Sa'īd. Berdasarkan al-Sakhāwī, sanadnya ḍa'if. Rujuk al-Suyūṭī, Jam' al-Jawāmi', juz 1, muka 662, nombor hadith 34/3352; al-Sakhāwī, al-Maqāṣid al-Ḥasanah, muka 85.	Fasal Ilmu Tabib
6.	إنك ناقة  Jangan kau makan dari kerana engkau baharu sembuh daripada sakit.	Bahagian hadith ini diambil dari ḥadīth ḥasan diriwayatkan oleh al-Tirmidhī daripada Umm al-Mundhir: دخل علي رسول الله صلى الله عليه وسلم معه علي ولنا دوال معلقة، فجعل رسول الله صلى الله عليه وسلم يأكل وعلي معه يأكل، فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم لعلي: مه يا علي فإنك ناقة قال: فجلس علي والنبى صلى الله عليه وسلم يأكل، قالت: فجعلت لهم سلقا وشعيرا، فقال النبي صلى الله عليه وسلم: يا علي من هذا فأصيب فإنه أوفق لك  Dalam ḥadīth ini, Umm al-Mundhir (ibu saudara Rasūl Allāh صلى الله عليه وسلم) meriwayatkan bahawa Rasūl Allāh صلى الله عليه وسلم bertemu dengannya bersama Sayyidina 'Alī. Umm al-Mundhir mempunyai dawālī (kata tunggal: dāliyah, sejenis anggur) tergantung, bilamana Rasulullah صلى الله عليه وسلم memakannya, Sayyidina 'Alī hampir sahaja memakannya lalu Rasulullah صلى الله عليه وسلم (menegah beliau dan) bersabda: "Wahai 'Alī,	Fasal Ilmu Tabib

		(jangan makan) Kamu baru sahaja sembuh (daripada sakit).” Umm al-Mundhir kemudiannya menyediakan salaq (sejenis makanan yang dimasak) dan sha’ir (barli), dan Rasulullah kemudiannya bersabda: “Wahai ‘Alī, makanlah daripada ini. Ia lebih sesuai untuk mu.” Rujuk al-Suyūṭī, Jam’ al-Jawāmi’, juz 12, muka 595, nombor hadith 608/27235.	
7	<p>يا عباد : تَدَاوُوا، فَإِنَّ لَمْ يَضَعْ دَاءٌ فِي الْأَرْضِ إِلَّا وَضَعَ لَهُ دَوَاءً غَيْرَ دَاءٍ. وَاحِدٌ: الْهَرَمُ</p> <p>Berubatlah kamu maka bahawasanya Allah tiada menjadikan suatu penyakit melainkan ada dijadikan baginya ubat melainkan tua jua.</p>	<p>Ḥadīth diriwayatkan oleh Abū Dāwūd al-Ṭayālīsī, Aḥmad ibn Ḥanbal, Abū Dāwūd, al-Tirmidhī (ḥasan ṣaḥīḥ), al-Nasā’ī, Ibn Mājah, Ibn Khuzaymah, Ibn Ḥibbān, al-Ṭabarānī dalam al-Mu’jam al-Kabīr, Ibn Sunnī dalam al-Ṭibb al-Nabawī, Abū Nu’aym dalam al-Ṭibb al-Nabawī, al-Ḥākim dalam al-Mustadrak, al-Bayhaqī dalam Shu’ab al-Īmān, Ḍiyā’ al-Dīn al-Maqdisī dalam al-Aḥādīth al-Mukhtārah dan yang lain.</p> <p>Rujuk al-Suyūṭī, Jam’ al-Jawāmi’, juz 12, muka 538, nombor hadith 515/27142.</p>	Fasal Ilmu Tabib
8	<p>Kata Usāmah: “Adalah hamba sehari berdatang sembah, ya Rasulullah, tiadakah ngapa jika tiada perhamba segala mengubat suatu penyakit?” Maka sabda Rasūl Allāh صلى الله عليه وسلم: يَا أَيُّهَا النَّاسُ: تَدَاوُوا، فَإِنَّ عَزَّ وَجَلَّ لَمْ يَخْلُقْ دَاءً إِلَّا خَلَقَ لَهُ شِفَاءً، إِلَّا السَّمَّ، وَالسَّمَّ: الْمَوْتُ</p> <p>Berubatlah kamu segala hamba Allah, maka bahawasanya tiada dijadikan Allah suatu penyakit melainkan adalah dijadikan akan dia ubat</p>	<p>Ḥadīth ini diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī dalam al-Mu’jam al-Kabīr daripada Ibn ‘Abbās. Ḥadīth ini juga diriwayatkan oleh al-Bukhārī dengan maksud yang sama</p> <p>Rujuk to al-Suyūṭī, Jam’ al-Jawāmi’, juz 12, muka 403, nombor hadith 286/26913;</p>	Fasal Ilmu Tabib
9	<p>ما وَضَعَ تَعَالَى دَاءً، إِلَّا وَضَعَ لَهُ دَوَاءً، إِلَّا السَّمَّ وَالْهَرَمَ، فَعَلَيْكُمْ بِالْبُرِّ، فَإِنَّهُ يَخْبُطُ مِنْ كُلِّ الشَّجَرِ</p> <p>Bahawasanya tiada diturunkan Allāh akan penyakit melainkan ada ia menurunkan ubat, melainkan maut dan tua. Maka hendaklah kamu minum susu lembu maka dikerana ia menghilang akan segala bencana orang habatan (jahat).</p>	<p>Ḥadīth daripada al-Nasā’ī, disebut dalam al-Ṭibb al-Nabawī al-Suyūṭī dengan perbezaan dalam bahagian akhir hadith, “... kerana lembu-lembu memakan dari berbagai tumbuhan.” Ḥadīth ini diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī dalam al-Mu’jam al-Kabīr dan Abū Nu’aym al-Ṭibb al-Nabawī daripada Ibn Mas’ūd.</p>	Fasal Ilmu Tabib

<p>10</p>	<p>إن الله تعالى أنزل الداء والدواء، وجعل لكل داء دواء، فتداؤوا، ولا تداؤوا بحرام</p> <p>Bahawasanya Allah telah menurunkan segala penyakit dan segala ubat, maka berubat kamu dan jangan kamu berubat dengan haram.</p>	<p>Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Abū Dāwūd, al-Ṭabarānī dalam al-Muʿjam al-Kabīr, Ibn al-Sunnī, Abū Nuʿaym dalam al-Ṭibb al-Nabawī, al-Bayhaqī dalam al-Sunan al-Kubrā daripada Abī Dardāʾ. Rujuk al-Suyūṭī, Jamʿ al-Jawāmiʿ, juz 2, muka 148, nombor hadith 229/4718.</p>	<p>Fasal Ilmu Tabib</p>
<p>11</p>	<p>Peristiwa Ṭāriq ibn Suwayd datang kepada Rasūl Allāh صلى الله عليه وسلم, adakah harus mengubat seorang sakit dengan arak, maka صلى الله عليه وسلم:  إِنَّهَا لَيْسَتْ بِدَوَاءٍ وَلَكِنَّهَا دَاءٌ يَعْنِي الْخَمْرُ</p> <p>Bahawasanya ditegahkan oleh Allah akan arak itu (sebagai) ubat. Bahawasanya ia bukan ubat tetapi ia penyakit. Bahawasanya Allah tiada menjadikan ubat umatku pada tiap-tiap yang diharam akan atas mereka itu.</p>	<p>Ḥadīth ini diriwayatkan oleh al-Tirmidhī (ḥasan ṣaḥīḥ), al-Ṭabarānī dalam al-Muʿjam al-Kabīr daripada Wāʿil dalam Ḥujr. Rujuk al-Suyūṭī, Jamʿ al-Jawāmiʿ, juz 3, muka 61, nombor hadith 3467/7956.</p>	<p>Fasal Ilmu Tabib</p>
<p>12</p>	<p>الحبة السوداء شفاء من كل داء إلا السام</p> <p>Yang jira hitam itu adalah ubat tiap-tiap penyakit melainkan mati jua.</p>	<p>Ḥadīth ini diriwayatkan oleh al-Bukhārī dan Muslim daripada Abū Hurairah dan Ibn Mājah dengan sedikit perbezaan perkataan. ḥadīth ini juga diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī dalam al-Muʿjam al-Kabīr daripada Usāmah dalam Sharīk. Rujuk al-Suyūṭī, Jamʿ al-Jawāmiʿ, juz 3, muka 633, nombor hadith 21/10501.</p>	<p>Bab Pada Menyatakan Ubat</p>
<p>13</p>	<p>و يعلم الناس ما في الحلبة لاشتروها بمثلها</p> <p>Jikalau diketahui segala manusia faedahnya halba itu nescaya akan dibelinya jikalau setimbang emas sekalipun</p>	<p>Berdasarkan al-Raḥmah fī al-Ṭibb wa al-Ḥikmah of Abbas Kuta Karang, ḥadīth ini berstatus ḥadīth gharīb. Al-Suyūṭī dalam al-Ṭibb al-Nabawī menyebut ḥadīth ini dan memberi komen bahawa ia diriwayatkan oleh pengarang al-Wasīlah tanpa menyatakan nama penuh pengarang dan bab berkaitan. ḥadīth ini juga dilaporkan oleh al-Ṭabarānī dalam al-Muʿjam al-Kabīr dan Ibn ʿAdī daripada Muʿādh ibn Jabal (ḍaʿīf atau mawḍūʿ):  لو يعلم الناس ما في الحلبة لاشتروها ولو بوزنها ذهباً</p> <p>Rujuk al-Sakhāwī, al-Maqāṣid al-Ḥasanah, muka 556, nombor hadith 910; al-Suyūṭī, al-Durar</p>	<p>Bab Pada Menyatakan Ubat</p>

		al-Mutanāthirah, muka 170, no 351.	
14	<p>كَلُوا بِسْمِ اللَّهِ، نِعْمَ الطَّعَامُ الزَّيْبُ، يَشُدُّ الْعَصَبَ... وَيُذْهِبُ الْبَلْغَمَ، وَيُصْقِي اللُّونَ</p> <p>Makan olehmu akan zabīb serta mengucap akan bismi Allāh al-raḥmān al-raḥīm adalah sebaik-baik makanan itu zabīb iaitu memberi kuat akan segala urat dan menghilangkan balgham dan mengheningkan warna kulit badan.</p>	<p>Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Abū Nu‘aym dalam al-Ṭibb al-Nabawī (sanad ḍa‘īf) Lihat Abū Nu‘aym al-Iṣfahānī, Mawsū‘at al-Ṭibb al-Nabawī, muka 412-413, nombor hadith 371</p>	Bab Pada Menyatakan Ubat
16	<p>كَلُوا الرُّمَانَ بِشَحْمِهِ، فَإِنَّهُ دِبَاغُ الْمَعْدَةِ</p> <p>Makan oleh kamu buah delima kerana bahawasanya ia menyamankan perut.</p>	<p>Kata-kata Saiyyidina ‘Alī ibn Abī Tālib diriwayatkan oleh Aḥmad, Abū Nu‘aym dalam al-Ṭibb al-Nabawī, al-Bayhaqī dalam Shu‘ab al-Īmān dan yang lain. Berdasarkan Ibn Hajar al-Haythamī dalam Majmū‘ al-Zawā‘id, semua perawi adalah dipercayai (thiqqah). Rujuk Aḥmad ibn Ḥanbal, Musnad Aḥmad, juz 10, muka 5521, nombor hadith 23708; Abū Nu‘aym al-Iṣfahānī, Mawsū‘at al-Ṭibb al-Nabawī, juz 1, muka 408, nombor hadith 365; al-Bayhaqī, Shu‘ab al-Īmān, juz 5, muka 104, nombor hadith 5958; Ibn Hajar al-Haythamī, Majmū‘ al-Zawā‘id wa Mamba al-Fawā‘id, juz 5, muka 99</p>	Bab Pada Menyatakan Ubat
17	<p>نِعْمَ الدَّوَاءُ الْأَزْزُ بَارِدٌ صَحِيحٌ سَلِيمٌ مِنْ كُلِّ دَاءٍ</p> <p>Sebaik-baik ubat itu beras sejuk lagi memberi ṣiḥat tubuh dan menyamankan tubuh dari tiap-tiap penyakit.</p>	<p>Diriwayatkan oleh al-Daylamī daripada Anas. Menurut al-Sakhawī, sanad ḥadīth ini ḍa‘īf. Rujuk al-Daylamī, Musnad al-Firdaws, muka 267, nombor hadis. 6785; al-Sakhāwī, al-Maqāṣid al-Ḥasanah, muka 525.</p>	Bab Pada Menyatakan Ubat
18	<p>جعل البركة في العسل وفيه شفاء من الأوجاع وقد بارك عليه سبعون نبيا</p> <p>Dijadikan Allah berkat itu pada air madu dan adalah dalamnya menyamankan tubuh daripada segala penyakit dan bahawasanya telah memberi berkat akan dia daripada tujuh puluh orang nabi.</p>	<p>Hadis ini muncul dalam Hilyat al-Awliya` karangan Abu Nuaim, Juz 5 muka 33. Ibnu Asakir menyebut dalam Tarikh Dimashq juz 32, muka 278 bahawa ibarat ini adalah kata-kata ahli perubatan Arab zaman awal Arab dan ia bukan hadis.</p>	Bab Pada Menyatakan Ubat
19	<p>أَفْضَلُ طَعَامِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ: اللَّحْمُ</p> <p>Terlebih daripada segala makanan dalam dunia dan akhirat iaitu daging</p>	<p>Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Abū Dāwūd al-Ṭayālīsī dan Abū Nu‘aym in Hilyat al-Awliya` dari Rabī‘ah bin Ka‘b. Menurut Ibn al-Jawzī, sanad hadith ini ḍa‘īf. Rujuk al-Suyūṭī, Jam‘ al-Jawāmi‘, juz. 1, muka. 743, nombor hadith. 123/3793; Ibn al-Qayyim</p>	Bab Pada Menyatakan Ubat

		al-Jawzī dalam al-Mawḍū'āt, muka.3, nombor hadith. 126. Dalam al-Ṭibb al-Nabawī al-Suyūṭī, ḥadīth ini dikatakan diriwayatkan dari Abū Dardā'.	
20	إذا قرب احدكم الطعام فليبدأ بالمله فانه يزيد في الدماغ و يزيد في العقل Apabila hendak makan seseorang daripada kamu hendaklah ia memulai dengan garam dari kerana bahawasanya ia menambah otak dan otak itu menambah akal.	diriwayat oleh al-Hākim al-Nisābūrī, Imam Muhaddithin Khurasan. juga, ia dikatakan sebagai kata-kata Iman al-Shāfi'ī yang diriwayat oleh al-Bayhaqī dalam Manāqib beliau sebagai : القول يزيد في الدماغ، والدماغ العقل القول (sejenis kacang) disebut sebagai pengganti garam. Rujuk al-'Ajlūnī, Kashf al-Khafā', juz.2, muka. 270, nombor hadith. 2391.	Bab Pada Menyatakan Ubat

## 5. Kesimpulan dan Cadangan

Kajian mendapati bahawa Bab Tujuh Bustan Al-Satin menekankan pentingnya keseimbangan antara kesihatan fizikal dan spiritual. Penyakit dilihat bukan hanya sebagai gangguan fizikal tetapi juga berkaitan dengan kondisi rohani seseorang. Pendekatan Tibb Nabawi yang menekankan pencegahan dan rawatan semula jadi menunjukkan potensi untuk dilestarikan dalam konteks moden. Misalnya, penggunaan madu sebagai antibakteria semulajadi telah disahkan oleh pelbagai kajian moden. (Hossain, et al, 2021, Rehman & Majid, 2020 )

Kajian ini menunjukkan bahawa Bab Tujuh Kitab Bustan al-Salatin mengandungi prinsip Tibb Nabawi yang relevan hingga ke hari ini. Elemen perubatan Islam yang dicatatkan tidak hanya menyediakan panduan rawatan fizikal tetapi juga menekankan dimensi spiritual, menjadikannya satu pendekatan kesihatan yang holistik.

Untuk kajian masa depan, disarankan agar kajian perbandingan antara manuskrip perubatan Melayu untuk memahami pengaruh Tibb Nabawi dalam konteks kesihatan masyarakat moden. Integrasi prinsip perubatan tradisional ini ke dalam sistem kesihatan moden juga wajar diteroka.

## Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan saya rakamkan kepada penerbit jurnal Pejabat Penerbit UTHM di atas segala bantuan sehingga penerbitan kajian ini dimungkinkan melalui bantuan kewangan oleh Universiti Tun Hussed dalam Onn Malaysia dan Pejabat Penerbit UTHM melalui Dana Penerbitan E15216

## Konflik Kepentingan

Penulis mengumumkan bahawa tidak ada konflik kepentingan yang berkaitan dengan penerbitan makalah ini.

## Sumbangan Penulis

Penulis mengesahkan sumbangan kepada kertas ini seperti berikut: Penulis Masdinizam Shamsudd dalam Shukor, **konsep dan reka bentuk kajian**; pengumpulan data; analisis dan interpretasi hasil dan penyediaan draf manuskrip; Manakala Penulis Wan Ali Wan Mamat telah mengkaji hasil dan meluluskan versi terakhir manuskrimuka

## Rujukan

Al-Jauziyah, I. Q. (2013). *Prophetic Medicine (Tibb al-Nabawi)*. Darussalam Publishers.

Demirel, S., & Mansour, S. E. (2011). A theoretical framework for al-Ṭibb al-Nabawi (Prophetic Medicine) dalam modern times. *Revelation dan Science*, 1(2), 34–45

Ghazali, U. S. B. M. (2022). *Kajian Ketokohan Dan Sumbangan Haron Ddalam Dalam Bidang Perubatan Islam (Doctoral dissertation)*. USM

Grinter, C.A. (1979) "Book IV of the *Bustan us-Salat* dalam by Nurudddalam Ar-Raniri: A Study daripada the Manuscripts of a 17th Century Malay Work Written dalam North Sumatra." Doctoral Thesis, University of London, United Kingdom,

Hamdani, M. A. M., Koyakii, S. M. Z. B., & Azizanii, A. S. M. (2024, December). *Diskusi Fiqh Dalam Karya Al-Tibb Al-Nabawi* Karangan Ibn Qayyim Al-Jauziyyah: Suatu Tinjauan. (muka 116). *E-Proceeding The 9th International Conference on Nabawi Heritage (SWAN 2024) FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia, 6-7 November 2024*

Hossain, M. L., Lim, L. Y., Hammer, K., Hettiarachchi, D., & Locher, C. (2021). *Honey-Based Medicinal Formulations: A Critical Review. Applied Sciences, 11(11), 5159.*

Ibrahim, N., & Ahmad Shah, F. (2020). *Prophetic Medicine dalam Malay Manuscript: A Brief Study on the 19th Century Kitāb Ṭib Manuscript: Perubatan Nabawi dalam Manuskrip Melayu: Satu Kajian Ringkas terhadap Manuskrip Kitāb Ṭib Kurun ke-19. HADIS, 10(19), 454-464.*

Jelani Harun. (2016), *Bustan al-Salatin: A Malay Mirror for Rulers. Penang: USM Press*

Marni, N. (2014) *Sumbangan Ilmuwan Islam Dalam Perubatan Nabi (Al-Tibb Al-Nabawiyy) Seminar Antarabangsa Education, Law, Civilization (ELCIST 2014) Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, Johor*

Marni, N. (2012). *Epistemologi Perubatan Ibn Qayyim Al-Jawziyyah di Dalam Al-Tibb Al-Nabawi (Doctoral dissertation, Universiti Putra Malaysia).*

Marsuki, M. Z. & Ibrahim, M. B., (2014) "Falsafah Perubatan Islam Menurut Jalal al-Ddalamal-Suyuthi Sebagai Muhaddis al-Asha'irah," *KUISAS. (2014):1-10*

Mohd. Affendi Mohd Shafri (2018) *Kitab Perubatan Melayu: Ṭayyib al-Iḥsān fi Ṭibb al-Insān. Edisi kedua. Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia*

Mohd. Affendi Mohd Shafri dan Hermansyah Muhammad Yahya, (2022) *Kitab perubatan Melayu: Kebun Segala Raja-Raja Bab VII. Bustān al-Salāṭin Nur al-Ddalamal-Raniri Akademi Jawi Malaysia, Kuala Lumpur.*

Mohd Shafri, Mohd Affendi dan Rosdin, Muhammad Amir Ashraf dan Mohamad, Hasbullah dan Muhammad Yahya, Hermansyah (2021) *Medical Ahadith dalam of Al-Al-Rāniri's Bustān al-Salāṭin Chapter 7 Fasl 3. International Journal of Allied Health Sciences, 5 (5). pmuka 2364-2385. E-ISSN 2600-8491*

Monette, M. (2012). *The medicine of the Prophet. Canadian Medical Association, 184(2), 649-650.*

Muhammad Maqbuli Al-Ahdal (1986) *Al- Suyuthi, Jaludddalam (Al-Manhaj Al-sawi Wa Al-Minhal Al-Rawi fi Tibb Al-Nabawi, Muassasah Al Kutub Al Tsaqafiah, Beirut*

Muhammad Yusoff, M. F., & Ab Razak, N. I. (2020). *Medieval Theoretical Principles of Medicine dalam Ibn Sīnā's al-Qānūn fī al-Ṭibb dan al-Dhahabī's al-Ṭibb al-Nabawī. Afkar-Jurnal Akidah & Pemikiran Islam, 22(2), 119-154.*

Muhammad Remy Othman, Sayidah Asma Basir, Khadher Ahmad, Khalijah Awang, Zulkifli Mohd Yusoff (2023). *Perubatan Islam: Analisis Perkembangan, Kesan, dan Permerkasaan di Malaysia: Islamic Medicine: The Analysis on The Evolution, Impact dan Empowerment dalam Malaysia. 'Abqari Journal, 28(1), 25-47.*

Nasir, M. A. (2019). *Praktek terapi pengobatan tradisional Melayu: Sebuah sketsa awal. Temali: Jurnal Pembangunan Sosial, 2(1), 99-126.*

Nizaita Omar, (2006) *Perkembangan ilmu perubatan: sebelum dan selepas kedatangan Islam. MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara, 7. pmuka 139-150. ISSN 1511-8393*

Omar Hasan Kasule. 1995. *Islamic Medicine: Concept & Misunderstandings. Paper Presented at The Annual Seminar of The Islamic Medical Association of Malaysia Held on July 9, 1995 dalam Kuala Lumpur.*

Othman, M. R., Basir, S. A., Ahmad, K., Awang, K., & Mohd Yusoff, Z. (2023). *Perubatan Islam: Analisis Perkembangan, Kesan, dan Permerkasaan di Malaysia: Islamic Medicine: The Analysis on The Evolution, Impact dan Empowerment dalam Malaysia. 'Abqari Journal, 28(1), 25-47.*

Rehman, M. U., & Majid, S. (2020). *Therapeutic Applications of Honey dan its Phytochemicals*. Springer.

Salmah Jan Noor Muhammad (2006) *Transliterasi Dan Kajian Pustaka Melayu Dalam Bustan Salatin*, Tesis untuk Ijazah Master Sastera, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Samuri, M. A., Ali, M., Ashraf, M., & Ihwani, S. S. (2018). *Kemajuan Islam dan hubungannya dengan penemuan sains dalam Prosiding Seminar Tamadun Islam 2018 Tamadun Islam*, UTM, muka 59-72. ISBN: 978-967-2171-28-7

Shafri, M. A. M. (2021). *SAKTI index: towards scientific evaluation of Malay medical manuscripts*. *International Journal of Allied Health Sciences*, 5(5), 2351-2363.

Sidik, R., Sidek, M., Zain, F. M., Arshad, I. S., & Jamsari, E. A. (2004). *Kegemilangan Sains dan Teknologi dalam Tamadun Islam: Mengambil Iktibar Pengalaman Kerajaan Abbasiyyah. Islam: Past, Present DAN Future*, 211.

Thomas, J.A., Itskovitz-Eldor, J., Shapiro, S.S., Waknitz, M.A., Swiergiel, J.J., Marshall, V.S., & Jones, J.M., (1998) *Embryonic stem cell lines derives daripada human blastocysts*. *Science*, 282(5391), 1145-1147

Veling, W, Burns, J, Makhathini, E, Mtshemla, S, Nene, S, Shabalala, S, Mbatha, N, Tomita, A, Baumgartner, J dan Susser, I (2019) *Identification of patients dengan recent-onset psychosis dalam KwaZulu Natal, South Africa: a pilot study dengan traditional health practitioners dan diagnostic instruments*. *Social Psychiatry dan Psychiatric Epidemiology* 54, 303–312.

Winsper, C, Bhattacharya, R, Bhui, K, Currie, G, Edge, D, Ellard, D, Franklin, D, Gill, P, Gilbert, S dan Khan, N (2024) *The impact of reduced routine community mental healthcare on people daripada minority ethnic groups during the COVID-19 pandemic: qualitative study of stakeholder perspectives*. *The British Journal of Psychiatry* 224, 1–7.

Zain, S. M. (2021). *The Nature Dan International Standing of Jawi-Malay Medical Manuscripts Before 1900*. *International Journal Of Allied Health Sciences*, 5(5), 2322-2350.

## Rujukan Bahasa Arab

- حسين, ع. ا., & عبد الحكيم عبد الرحيم علي. (2020). *الحركة عند ابن سينا. حولية كلية أصول الدين والدعوة بالمنوفية*, 39(العدد 39 (المجلد الأول-الثاني-الثالث) ديسم, 2037-2181